

Headline	Hari Perhutanan Antarabangsa di FRIM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Mar 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	24	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	261 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,206
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,618



# Hari Perhutanan Antarabangsa di FRIM

**I**NSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sekali lagi akan menganjurkan sambutan Hari Perhutanan Antarabangsa (IDF) 2017 yang akan diadakan di kampus utama institut berkenaan pada 25 Mac ini.

Sambutan bertemakan *Semarakkan dengan Cinta* itu akan diisi dengan pelbagai program yang dijangka menarik kedatangan pengunjung.

Ketua Pengarah FRIM **Datuk Dr Abd.**

**Latif Mohmod** berkata, hutan penting untuk penjagaan, pemeliharaan untuk kelestarian sejagat selain sumber kepelbagaiannya biologi.

“Kekayaan negara yang perlu dihormati dan dimanfaatkan secara seimbang. Hutan sebagai penampang pelepasan gas rumah hijau, perubahan iklim dan penyerap karbon terbaik,” ujarnya.

Beliau berkata, saban tahun FRIM mengajak orang ramai menyambut IDF di Kepong dan dalam masa yang sama, membuka kawasan kampusnya untuk aktiviti riadah, sekali gus membuktikan kesungguhan agensi itu untuk



ABD LATIF MOHMOD

menyokong sebarang usaha pemuliharaan hutan di negara ini.

Adalah dijangkakan seramai 150 peserta dijangka berkumpul di FRIM untuk menyertai pelbagai aktiviti yang akan berlangsung secara serentak mulai jam 9.30 pagi.

Aktiviti lain termasuk penanam pokok kenangan oleh 50 orang bagi memperingati seseorang atau sesuatu peristiwa yang penting dalam hidup mereka masing-masing.

Acara *Love My Accessory*, pula melibatkan permainan bagi 20 kanak-kanak berusia antara tujuh hingga 12 tahun mengubah bunga, daun, ranting dan rumput untuk menghasilkan aksesori fesyen.

Program *Love My Tree* bagi 30 pelajar Tingkatan Tiga untuk meningkatkan kesedaran serta kemahiran dalam pengecaman pokok-pokok diterokarpa yang merupakan komponen utama hutan hujan tropika negara.

Program *Love My Photo* pula merupakan pameran gambar Pertandingan Fotografi FRIM 2016.



SABAN tahun FRIM menjadi tumpuan pengunjung yang seronok menyertai program sempena sambutan Hari Perhutanan Antarabangsa (IDF) yang diadakan di Kampus FRIM, Kepong Selangor. - GAMBAR HIASAN.